



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

ADAPTASI PERIBAHASA MELAYU DALAM KARYA ARCA AWAM

Muhammad Zaidi Bin Yusoff

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2017

ADAPTASI PERIBAHASA MELAYU DALAM KARYA ARCA AWAM

Muhammad Zaidi Bin Yusoff

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A -

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 28 day of Dec. 2017.

Student's Declaration:

I, MUHAMMAD ZAIDI BIN YUSOFF (47837) FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitled *ADAPTASI PERIBAHASA MELAYU DALAM KARYA ARCA AWAM* is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

28.12.2017

M.Z.Y


Date submitted

Muhammad Zaidi Bin Yusoff (47837)

Supervisor's Declaration:

I, MISS ANISSA ABDUL AZIZ here by certifies that the work entitled *ADAPTASI PERIBAHASA MELAYU DALAM KARYA ARCA AWAM* was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS" as a *partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS (HONS.) FINE ART and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:



Miss Anissa Abdul Aziz (Supervisor)

Date: 28.12.2017

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (\)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature: 
Supervisor signature: 
(MUHAMMAD ZAIDI BIN YUSOFF) (ANISSA ABDUL AZIZ)

Current Address:

47837, 234C KAMPUNG DALAM RHU,
16200 TUMPAT, KELANTAN

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGESAHAN

Projek bertajuk **Adaptasi Peribahasa Melayu Dalam Karya Area Awam** telah disediakan oleh **Muhammad Zaidi Bin Yusoff** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterimauntukdiperiksaoleh:



Cik Anissa Abdul Aziz (Penyelia)

Tarikh:


28.12.2017

PENGAKUAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **Muhammad Zaidi Bin Yusoff** disertai penulisan yang bertajuk **Adaptasi Peribahasa Melayu Dalam Karya Area Awam** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).


Saya mengaku bahawa tiada bahagian dalam penyelidikan ini telah digunakan sebagai sokongan untuk sesuatu ijazah atau mana-mana kedudukan, sama ada kepada universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain.

Disediakan oleh:



Muhammad Zaidi Bin Yusoff (47837)

Tarikh:



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim ...

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, kesihatan yang baik, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan kepada saya dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga yang telah mendoakan kesejahteraan, memberi kasih sayang dan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Mereka yang menjadi pembakar semangat untuk saya meneruskan pengajian dalam memperbaiki diri ke arah lebih baik. Tanpa berkat doa dan sokongan mereka, saya tidak dapat merasai setiap kejayaan yang terlakar indah pada hari ini.

Sekalung penghargaan kepada semua pensyarah Program Seni Halus yang banyak membimbang dan membantu dalam proses pengajian bidang seni visual terutamanya kepada penyelia saya iaitu Cik Anissa Abdul Aziz di atas kesudian beliau menerima saya sebagai pelajar di bawah seliaannya. Beliau banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, motivasi dan cadangan-cadangan yang bernas serta menjadi pembimbang dalam semua permasalahan sepanjang menyiapkan projek tahun akhir ini. Segala ilmu yang telah dicurahkan akan digunakan sebaik mungkin untuk menempuh alam pekerjaan dan kehidupan pada masa akan datang.

Tidak dilupakan kepada sahabat seperjuangan yang turut memberi pandangan dan bantuan sepanjang saya menjalankan kajian penyelidikan ini. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang berkongsi ilmu dari pelbagai sudut pandangan yang membuka minda serta memberi inspirasi secara langsung atau tidak langsung dalam perjalanan kajian dan penghasilan karya tahun akhir ini. Ini menjadi suntikan semangat positif kepada saya untuk terus berkarya dan menyumbangkan sesuatu kepada seni visual tempatan. In shaa Allah ...

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	i - ii
PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA	iii
PENGAKUAN PELAJAR	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi - vii
SENARAI FIGURA	viii - ix
ABSTRAK	x

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Pernyataan Masalah	3 - 4
1.3 Objektif Kajian	4 - 5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.4.1 Hipotesis	5 - 6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.5.1 Skop Kajian	6 - 8
1.5.2. Definisi dan Tenna	8 - 9

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Karya Seni Halus	10
2.1.1 Karya Rupa Tiga Dimensi	10
2.1.2 Karya Arca	11 - 12
2.1.3 Kategori Karya Arca	12 - 17
2.1.4 Peribahasa Melayu	18
2.2 Karya Artis Rujukan	
2.2.1 Artis Tempatan: Jamil Zakaria	18

2.2.1 Artis Luar Negara	
i. Richard Stainthorp	19
ii Barbara Licha	20
iii. Sung Hoon Kang	20 – 21
iv. J.K. Brown	21 – 22
2.3 Kesimpulan	22

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Data Primer	23
3.1.1 Temu bual	23
3.1.2 Eksperimentasi	24
3.2 Data Skunder	24
3.2.1 Rujukan Bahan Berjilid	24
3.2.1 Rujukan Laman Sesawang	24 – 25
3.3 Kesimpulan	25

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	26
4.2 Analisa Karya Peribadi	26 – 27
4.3 Konsep Kajian Dalam Penghasilan Karya	27 – 28
4.4 Makna Tersirat pada Subjek Gajah	29
4.4.1 Proses Penghasilan Karya	30 – 34
4.4 Karya Akhir	34 – 35

BAB 5: RUMUSAN KAJIAN

BIBLIOGRAFI

SENARAI FIGURA

NO.	PERKARA	HALAMAN
1	<i>Roda Basikal</i> , 129.5 X 63.5 X 41.9 Cm, Roda Logam Diasaskan Di Atas Kayu-Kayu Paint, 1913.	12
2.	<i>Headless Chicken</i> , 122cm (t), Keluli dan Wiremesh, 2014.	18
3.	<i>Nude Wire Sculpture</i> , Saiz Sebenar, Dawai Besi, 1996.	19
4	<i>Angle Wire Sculpture</i> , Saiz Sebenar, Dawai besi, 2015.	19
5.	<i>Chaos and Order</i> , 23.6 T x 23.6 L x 23.6 in, Dawai Besi, 2010.	20
6.	<i>Lion of the Wind</i> , Tembaga, Keluli Tahan Karat, 230 x 410 x 135 cm, 2014.	20
7.	<i>Graze</i> , Arca, Saiz Sebenar, Logam, 2015.	21
8.	Lakaran idea keadaan badan gajah.	30
9.	Lakaran awal kepala gajah dan kedudukan belalai.	30
10.	Lakaran kedudukan dan pembahagian tubuh gajah yang asalnya ingin dipasang di luar dan di dalam sesuatu ruang.	30
11.	Lakaran kedudukan kaki gajah yang agresif.	31
12.	Lakaran akhir kedudukan gajah yang menghadap kiblat	31
13.	Lakaran akhir yang lebih jelas dengan elemen garisan.	31
14.	<i>Mockup</i> garisan dan jalinan pada badan gajah.	31
15.	<i>Mockup</i> pertama yang menggunakan tanah liat seramik.	31
16.	Jenis dawai yang sedikit tebal.	32
17.	Dawai paling halus yang digunakan sebagai lilitan pada dawai yang tebal.	32

18.	Hasil <i>mockup</i> kedua yang menggunakan dawai dan bahan besi jumpaan dalam membentuk belalai gajah.	32
19.	Proses membengkokkan rod besi untuk dikimpalkan.	33
20.	Proses kimpalanrod besi mengikut bentukan gajah.	33
21.	Pengolahan bahagian badan gajah untuk disesuaikan dengan bahagian kepalanya.	34
22.	Menyiapkan bahagian kepala gajah untuk dicantumkan dengan bahagian badannya.	34
23.	Pemilihan tempat perletakkan karya akhir.	35
24.	Karya akhir: ‘Kalau Gajah Lalu’, 7 kaki x 6 kaki, Dawai, Rod Besi, Plat Besi dan Simen, 2017	35
25.	Kedudukan karya arca awam di ruang publik Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), UNIMAS	35

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkaitan karya arca awam yang melibatkan ruang terbuka dengan teknik yang bersesuaian termasuklah kimpalan, ketukan dan sebagainya. Medium arca tiga dimensi dipersembahkan pada garisan-garisan besi membentuk rupa gajah yang merupakan adaptasi Peribahasa Melayu berikut; ‘Gajah Masuk Kampung, Kalau Pohon Tak Tumbang, Rumput Layu Juga’ yang bermaksud; individu yang berkuasa mampu berbuat sesuka hatinya terhadap individu yang lemah dan juga ‘Gajah Sama Gajah Berjuang, Pelanduk Mati di Tengah-Tengah’ yang bermaksud; sekiranya orang-orang yang berkuasa bergaduh, orang bawahan yang mendapat susah. Dapatkan kajian terperinci dan perletakkan Peribahasa Melayu adalah representasi kepada kekuatan jiwa pada maksud yang mendokong pemilihan bahan yang dipilih. Dawai, rod dan plat besi yang dikenali umum adalah bahan yang mempunyai pelbagai sifat termasuklah keras, lembut, ada dawai yang sukar dilentur dan ada juga besi yang mudah dibentuk menggunakan suhu api yang bersesuaian. Kedua-dua bahan ini mempunyai ciri-ciri fizikal yang istimewa apabila diolah dan diuji ketahanannya dalam menterjemahkan idea dan konsep karya tiga dimensi. Selain mendidik dan member pendedahan kepada umum, karya ini menyentuh aspek kehidupan melalui peribahasa berunsur rakyat yang member impak kepada budaya bangsa dan ketamadunan sesebuah masyarakat setempat.

Kata Kunci : Peribahasa Melayu, Arca Awam, Ruang Publik.

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Perubahan dalam era alaf baru telah menyaksikan seni bertukar ganti dan penggunaan bahan semakin berkembang maju. Penggunaan bahan konvensional dan yang berasaskan teknologi dalam penghasilan sesebuah karya seni sememangnya menampakkan ciri-ciri kematangan dalam perkembangan seni visual kontemporari masa kini di negara kita. Lantas, kajian ini dilakukan untuk mengkaji dan mengetengahkan bahan konvensional dalam elemen garisan pada penghasilan karya arca tiga dimensi. Hal ini juga, merupakan medium pengucapan dalam menyampaikan kritikan-kritikan sosial melalui karya seni yang diadaptasi daripada Peribahasa Melayu yang berdasarkan pemahaman pengkarya terhadap isu terbabit.

Seni arca adalah suatu bentuk dan komposisi dalam susunan rupa tiga dimensi. Permukaannya dapat dirasai dan dipandang dari pelbagai sudut. Pengertian arca berasal daripada Bahasa Latin iaitu ‘*sculpere*’ bermakna satu proses mengukir, meneungkil dan menguris. Seni arca mula berkembang dalam seni visual di Malaysia sekitar tahun 1960-an, tetapi ianya diangkat sebagai seni sampingan kepada seni catan. Namun, setanding dengan kemajuan teknologi semasa, seni arca tidak lagi di anggap sedemikian, malah semakin pesat dengan penerokaan bahan dan dimensi penciptaan dalam penghasilan sesebuah karya yang bermakna.

Menurut Paul Klee (1930), garisan berterusan adalah seperti mengambil titik permulaan untuk terus berjalan. Dengan erti kata lain, titik awal dan akhir garisan bertembung pada penghujungnya. Ini bersesuaian dengan kajian pengkarya yang cuba menerokai bahan dawai dan besi dalam penghasilan karya bercirikan elemen garisan dua dimensi membentuk rupa tiga

dimensi di ruang publik. Menurut Meilach (2001), arca kontemporari adalah perubahan baru dengan konsep dan maksud yang berbeza. Sesuatu objek yang direka dengan menggunakan dawai adalah prinsip asas dalam pembentukkan karya tiga dimensi dan pengkarya cuba menggantikan garisan lukisan di atas kanvas kepada bentuk nyata yang mempunyai isipadu yang boleh disentuh. Pendekatan ini memberi pemahaman dan definisi berbeza kepada artis yang membuat dan khalayak yang menghayati. Menurut Jamil Zakaria (2014), telah mengatakan bahawa lukisan itu akan dilihat sebagai sebuah arca dan arca dilihat sebagai sebuah lukisan. Perbezaan di antara dua genre ini kelihatan semakin pudar kerana kehadiran elemen garisan yang membentuk rupa objek seni tersebut.

Pada peringkat awal kajian, pernyataan masalah dikenalpasti dan diikuti dengan objektif, persoalan dan kepentingan kajian. Pernyataan masalah dalam kajian ini lebih membincangkan tentang penghasilan karya seni arca itu sendiri, terutamanya dari segi penggunaan garisan dawai dan besi dalam membentuk objek seni yang sekaligus memberi pemahaman kepada audien tentang subjek yang diolah dari maksud Peribahasa Melayu. Seterusnya objektif, persoalan dan kepentingan kajian yang menyentuh tentang proses pembuatan, pengisian dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya arca awam.

Dalam kajian ini, karya dari artis tempatan dan luar negara dijadikan sebagai rujukan sebelum menghasilkan karya peribadi. Berdasarkan beberapa karya yang telah dihasilkan oleh mereka, pendekatan dan kaedah pembuatan karya tersebut dikaji, dikenal pasti dan dibincangkan dalam menghasilkan arca awam yang memberi kesan kepada audien. Penyelidikan secara ringkas dilakukan terhadap biografi artis rujukan yang dipilih berdasarkan pengolahan idea, konsep dan gaya persembahan karya tersebut dalam penyampaian mesej yang ingin diketengahkan untuk penghayatan audien.

Kajian ini dilaksanakan dengan memgambil kira skop kajian yang menyentuh tentang teknik pembuatan, penggunaan medium, komposisi, pemilihan subjek, perletakkan karya dan sebagainya. Maklumat kajian yang dikumpul berkenaan artis, teknik dan kaedah yang berkesan turut dititikberatkan dengan posisi dan lokasi perletakkan karya akhir di ruang yang bersesuaian.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dilakukan kerana pengkarya ingin mendalami tentang seni arca awam di Malaysia yang diolah dengan menggunakan elemen garisan dan teknik kimpalan. Ini berikutan tentang kebenaran arca awam yang masih kurang dihasilkan oleh artis Malaysia dan tidak banyak pendedahan, pengetahuan dan penerimaan masyarakat setempat dibandingkan di negara-negara lain. Dapat dilihat kepentingan kajian dan perkembangan arca awam ini sewajarnya diperkenalkan kepada masyarakat umum terutamanya di kalangan pelajar dan penghayat seni di peringkat universiti dan yang lebih tinggi.

Pernyataan salah seorang artis tempatan, Naser Baharuddin yang dipetik dari artikel yang ditulis oleh Sabri.T (2011), beliau banyak membicarakan tentang karya-karya artis Malaysia yang dilihat masih gagal memberikan makna baru dalam penghasilan karya dan pendekatan yang digunakan samada dari segi tema atau metodologi. Selain itu, diperkuatkan lagi melalui pernyataan Faizal Sidik (2011) dalam ‘Program Siri Dialog Bicara Seni’, yang menyatakan bahawa terdapat beberapa ketidaksediaan artis muda, yang masih mencari-cari di sebalik makna karya yang telah dihasilkan dan sepertinya tidak bersedia untuk dikongsikan kepada masyarakat umum. Mungkin mereka sendiri tidak mempunyai ilmu dan pengalaman yang mendalam sehingga masih terikut-ikut dengan penghasilan karya terdahulu dari luar negara tanpa memikirkan pengolahan identiti dan media tersendiri.

Dari sudut pandangan pengkarya, hal ini dapat dilihat bahawa masih terdapat masyarakat tempatan yang tidak memahami tentang karya arca terutamanya arca awam. Kebiasaannya masyarakat hanya dapat memahami keindahan didepan mata terutamanya lukisan lanskap dan abstrak yang jelas mempunyai variasi warna yang dapat dikenali berbanding untuk berfikir, mengambil maklum dan menyentuh karya arca. Sesebuah karya arca yang melalui kaedah pengolahan idea serta proses pembuatan danteknikal yang khusus terhadap subjek kajian memerlukan pemahaman yang kreatif. Menurut Naser Baharuddin lagi, gaya pengolahan karya dua dimensi masih popular dengan idea lukisan dan cetakan di atas kanvas, cetakan digital di atas aluminium dan sebagainya. Ini dilihat sebagai tidak sibat dalam pembangunan idea yang peka dan sensitif beserta pengulangan tema terdahulu yang membosankan seperti yang dihasilkan oleh kebanyakkan artis tempatan.

Jelaslah, kepentingan untuk memahami karya tiga dimensi saina beratnya dalam menghayati karya dua dimensi. Pengkarya yang bersungguh mengkaji, menganalisis serta bereksperimentasi dengan bahan dan kaedah penghasilan menghadapi banyak hal yang berkaitan dalam proses pembangunan idea kreatif dan inovatif. Oleh yang demikian, pengkarya mengambil berat tentang bentuk fizikal, perletakkan makna Peribahasa Melayu yang relevan serta kesesuaian terhadap isu kritikan sosial masyarakat umum. Ini memberi penjelasan yang lebih khusus tentang subjek pilihan yang mengandungi mesej tertentu.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga (3) objektif dalam mencapai matlamat kajian ini. Antaranya:

- i. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan karya arca awam yang dihasilkan oleh artis tempatan dan Luar negara.

- ii. Mengkaji pelbagai saiz dan jenis dawai dan besi padu sebagai medium untuk menghasilkan elemen garisan dalam karya arca tiga dimensi yang berkesan.
- iii. Mengaplikasikan maklumat dari hasil dapatan kajian terutamanya maksud Peribahasa Melayu yang telah dipilih.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini terhasil berdasarkan permasalahan yang telah dibincangkan. Antara persoalan-persoalan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Apakah pendekatan teknik dan medium yang bersesuaian dalam mempersempahkan idea arca awam?
- ii. Apakah dan bagaimana medium pilihan hendak dibentuk mengikut pemahaman elemen asas garisan untuk menghasilkan karya arca tiga dimensi yang berkesan?
- iii. Bagaimanakah maklumat yang telah dikaji dapat diungkapkan ke dalam karya arca awam?

1.4.1 Hipotesis

Dalam penelitian pengkarya, terdapat kekuatan dan kelemahan yang tersendiri pada teknik dan medium yang digunakan artis rujukan terutamanya apabila karya dipamerkan di ruang publik yang melibatkan faktor cuaca dan persekitaran. Ada juga artis yang menghasilkan arca dawai dan besi tidak menitik beratkan prinsip harmoni yang mana perlu menekankan hasil ulangan dan rentak unsur seni yang sesuai dan seimbang. Elemen harmoni wujud dalam penggunaan garisan dan aplikasi warna yang bersesuaian. Namun ianya lebih kontra dan wujud unsur dinamik untuk menarik perhatian umum hagi menghayati karya tersebut mengikut apresiasi masing-masing.

Kejelasan bentuk dan ikatan teknik arca dawai juga perlu dititik beratkan agar arca tersebut lebih selari dan dapat berdiri dengan prinsip keseimbangan dari pelbagai sudut. Dengan erti kata lain, prinsip rekaan yang menjawab kepada permasalahan bentukan arca mestilah meliputi aspek keharmonian, kontra, penegasan, keseimbangan, irama dan pergerakan, kepelbagaian serta kesatuan agar hasil karya arca itu lebih mengagumkan dan dapat memberi impak yang berkesan kepada penghayat seni.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui penyelidikan ini, ianya penting kepada orang awam amnya dan pelajar-pelajar seni khususnya untuk lebih memahami impak karya seni tampak tiga dimensi dengan jelas dan mudah. Ianya bukan sahaja dari aspek bentuk luaran bahkan maksud yang tersirat disebalik konsep karya yang dihasilkan. Biasanya masyarakat hanya dapat melihat sesuatu seni rupa dari aspek luaran sahaja dengan pernyataan yang sangat bersifat kabur dan cetek. Ungkapan ‘cantik’ atau ‘hebat’ sering digunakan untuk memberi respon kepada karya seni rupa yang dianggap baik tanpa pengetahuan lain mengapa ianya berhasil sedemikian rupa. Pentingnya kajian ini dalam mendapatkan maklumat berkenaan karya arca awam yang menggunakan medium dawai dan hesi daripada karya rujukan artis tempatan dan luar negara. Selain itu, kajian terhadap Peribahasa Melayu yang dipilih turut difahami dalam menyampaikan mesej tertentu kepada masyarakat.

1.5.1 Skop Kajian

Skop kajian adalah memfokuskan penggunaan elemen garisan dalam unsur seni yang diolah dalam bentuk karya arca. Garisan jalah satu deretan titik yang bersambung-sambung dan mempunyai jarak tertentu sebelum ia membentuk dan mencipta rupa, ruang dan pergerakan dalam karya seni. Pendekatan dan kajian terperinci pengkarya dalam

memahami jenis-jenis garisan yang terdapat dalam unsur seni memudahkan proses pembentukan garisan halus, garisan tebal, garisan beralun, garisan berlingkar, garisan serabut dan sebagainya. Kepelbagaiannya elemen garisan ini dapat dibentuk dengan kreatifnya melalui teknik cantuman pada jalinan dawai dan kimpalan besi padu.

Selain itu, pengkarya mengangkat nilai Peribahasa Melayu untuk mendapatkan subjek bersesuaian dalam memberikan kritikan sosial terhadap hal yang berlaku dalam masyarakat masa kini. Peribahasa Melayu yang digunakan berkaitan binatang besar yang mempunyai berkuasa dan perumpamaan paling hampir kepada maksud tersebut adalah gajah yang dikenali sebagai raja rimba yang menguasai hutan. Peribahasa ‘Gajah Masuk Kampung, Kalau Pohon Tak Tumbang, Rumput Layu Juga’ bersesuaian dengan idea metafora atau perlambangan kritikan sosial yang bermaksud individu yang berkuasa dapat berbuat sesuka hati kepada individu yang lemah. Di samping itu, peribahasa ‘Lembu Dogol Jangan Dibalun’ turut menjadi rujukan pengkarya yang membawa maksud sesuatu masyarakat tidak sepatutnya menjadi seperti lembu yang dicucuk hidungnya. Lembu ini boleh dikaitkan dengan keadaan sifat sebenarnya yang tidak boleh diusik sembarang kerana akan bertindakbalas di luar kawalan. Keadaan ini seakan memperlihatkan situasi individu yang berdiam diri dan tidak menyangkal pendapat pihak lain, namun sekiranya diusik dengan memperlekehkan kredibiliti dirinya, tidak mustahil individu tersebut akan melawan bersungguh – sungguh.

Dalam kajian ini pengkarya menfokuskan karya arca tiga dimensi dan diletakkan di ruang publik. Permukaan dan bentukan karya ini memang sengaja dibuat untuk disentuh teksturnya, dinikmati dari sudut 360 darjah dan audien dapat berinteraksi dengan

mendekatinya. Pengkarya cuba memberi pendedahan kepada audien tentang arca awam selain memupuk minat untuk menghargai nilai estetika seni di ruang publik.

1.5.2. Definisi dan Terma

i. Definisi Arca

Arca yang diterjemahkan dari *sculpture*, secara ringkas ia adalah sebuah karya seni yang berbentuk tiga dimensi atau timbulan. Mengikut kajian Gaunt (1966) dan Ocvirk (1994), definisi *sculpere* membawa maksud mengukir, menebuk, memotong, memodel menggunakan tanah liat atau lilin untuk membina figura secara timbulan atau tiga dimensi di dalam Bahasa Yunani lama. Definisi arca berubah mengikut peredaran zaman, ianya bukan hanya sekadar mengukir dan memodel, di era moden apa jua bentuk yang melibatkan ruang tiga dimensi dengan teknik yang pelbagai seperti kimpalan, cantuman, jahitan, ketukan, lekatan dan sebagainya.

ii. Arca Awam

Arca Awam merupakan sebuah hasil seni yang diletakkan di ruang publik. Ianya merupakan satu bentukan seni yang berfungsi dalam dimensi ruang 360 derjah yang menyeluruh dan terbuka. Ianya juga berlatarbelakangkan ruang persekitaran dan pemilikan komuniti untuk menghayati dan berinteraksi dengannya. Robert Atkins (1945), menyatakan "...*Public Art is simple art produce for and own by community*". Manakala, Meel Goding (2000) ada menyatakan bahawa arca awam merupakan sebuah karya untuk ruang umum dan kebiasaananya ditaja secara spesifik serta dipamerkan kepada khayalaknya yang ramai.

iii. Definisi Garisan

Garisan merupakan elemen asas untuk melukis dan melakar. Garisan juga merupakan unsur seni yang utama. Menurut Paul Klee (1930), menyatakan bahawa garisan berterusan adalah seperti mengambil titik permulaan untuk terus berjalan. Unsur-unsur garisan terdapat pada sebarang bentuk lukisan atau lakaran. Garisan merupakan unsur penting dalam kerja-kerja melukis. Antara alatan yang biasa digunakan untuk melukis garisan ialah pensel, pen, arang dan lain-lain.

iv. Definisi Jalinan

Jalinan merupakan sifat permukaan sesuatu objek atau karya seni yang boleh disentuh atau dirasa oleh pancaindera. Jalinan didapati pada objek sumber alain semulajadi atau objek buatan manusia yang mana terdapat pelbagai sifat pada permukaannya. Antara sifat tersebut termasuklah lembut, licin, tajam, dan kasar.

v. Peribahasa Melayu

Mengikut Kamus Fajar Malaysia, Peribahasa Melayu ialah patah-patah kata, rangkai kata atau ayat yang telah sedia tersusun tetap dengan maksud tertentu. Menurut Za'ba (1950), Peribahasa Melayu ialah susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengari, dan indah perkataannya. Dalam buku beliau yang bertajuk ‘Ilmu Mengarang Melayu’ (1950), mentakrifkan bahawa Peribahasa Melayu sebagai susunan kata-kata yang pendek atau ringkas yang telah melekat dimulut orang ramai dari zaman dahulu kerana ianya menarik didengar, penggunaan perkataan yang bijak dan ada yang mempunyai maksud yang mengkritik secara langsung atau tidak langsung tetapi masih berlapik dengan bahasa yang indah dan beradab.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 KARYA SENI HALUS

Seni rupa atau seni tampak adalah objek dan visual seni untuk dilihat dan dihayati oleh penghayat seni serta bebas memberi apresiasi siapa sahaja mengikut kefahaman tersendiri. Rosalind (1995) ada mengatakan bahawa mempamerkan perasaan dalaman atau menzahirkan ekspresi diri untuk dikongsikan kepada audien tentang sesuatu idea itu indah dan penuh bermakna. Namun, idea yang diutarakan oleh pengkarya melalui bahan dan teknik tertentu merupakan satu kegiatan yang halus dari hati yang sukar ditafsirkan oleh khalayak ramai. Seni rupa atau seni halus sebagaimana menurut Zakaria Ali (1989), ianya merupakan penghargaan atau aspresiasi terhadap objek seni yang terdiri daripada catan, lukisan, cetakan, arca dan medium teknologi lain yang kian berkembang pesat.

2.1.1 Karya Rupa Tiga Dimensi

Karya rupa tiga dimensi merujuk kepada karya-karya seni balus terdahulu yang mempunyai ketetapan dan penggunaan medium yang telah sedia maklum. Karya-karya ini bersifat tradisional dari segi kaedah dan teknik penghasilan, meterial dan medium yang dipraktis secara tradisi. Karya-karya seperti lukisan catan minyak, cetakan kayu dan arca sesi adalah antara karya seni yang tergolong dalam penggunaan medium konvensional. Namun, yang membezakan ia adalah garapan idea, konsep dan mesej penyampaian yang bersifat kontemporari.

Seni arca mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding dengan seni visual yang lain. Penyataan masalah tentang pembuatan karya dalam bentuk tiga dimensi menarik

minat kepada individu yang sukakan cabaran objek berjisim dan mempunyai struktur seni bina dalam ruang sebenar. Arkitek seni bina bangunan turut mengutarakan konsep karya tiga dimensi yang berkaitan dengan alam kehidupan seharian. Ini bagi memperlihatkan reka bentuk sesuatu bangunan itu yang mempunyai ragam hias dengan elemen dan prinsip seni yang jelas dalam mengindahkan persekitaran di ruang publik.

Karya arca di Malaysia bermula dengan bentukan asas yang berunsurkan aspek keagamaan. Misalnya patung-patung orang asli iaitu kaum ‘Jah Hut’ dan ‘Mah Meri’ yang mempunyai ciri-ciri pemujaan dan nilai kepercayaan yang tinggi. Begitu juga dengan keadaanya ‘Megalith Pedang’ di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Namun begitu, pengarca tempatan yang mendapat pendidikan di luar negara mula membina arca yang berbentuk moden dan tersirat makna dan persembahan karya yang menarik. Antaranya ialah karya-karya arca *free-standing* yang dihasilkan oleh Anthony Lau, Latiff Mohidin, Syed Ahmad Jamal, Lim Kian Seng dan sebagainya sekitar tahun 1960-an. Selari dengan kemajuan teknologi semasa, pengarca kini sudah berani berkarya dengan menggunakan pelbagai media dan medium kontemporari tambahan yang tidak hanya dalam konteks tiga dimensi, tetapi dipersembahkan dalam pemasangan instalasi empat, lima atau mungkin enam dimensi yang pelbagai. Karya arca ini selalunya dihasilkan mengikut tema atau isu-isu yang tersendiri berdasarkan kehendak pengarca tersebut.

2.1.2 Karya Arca

Menurut L. Fichner (2001), lukisan adalah hasil daripada lakaran atau kesan yang dihasilkan secara spontan terus ke atas sesuatu permukaan seperti kertas. Kesan yang dihasilkan lebih berunsurkan pelbagai jenis garisan dan jalinan. Permukaan dimana lakaran atau kesan dihasilkan tidak semestinya berbentuk dua dimensi sahaja malah ia

juga terdapat dalam bentuk tiga dimensi seperti yang diinginkan artis terbabit. Menurut beliau lagi, lukisan adalah asas seni visual di mana ianya turut dijadikan sebagai lakaran dan idea awal sebelum memulakan proses pembuatan karya arca dengan ruang sebenar. Mengikut Sale Teel, Betti Claudia (2004) dan Wilkinson John (1998), kebanyakan artis menjadikan lakaran atau lukisan sebagai medium yang menyalurkan ekspresi seninya kerana lukisan lebih bersifat spontan dan bersahaja serta lebih jujur.

Namun, bersesuaian dengan minat pengkarya yang cuba lari sedikit dari aktiviti lukisan dua dimensi dan lebih cenderung kepada eksperimentasi medium asas tiga dimensi iaitu dawai dan besi. Olahan idea dan penghasilan kekemasan karya yang lebih terperinci akan diaplikasikan dalam karya arca awam tersebut. L. Fichner. (2001) ada mengatakan bahawa penciptaan karya seni dari kurun ke abad terkini berkembang kepada satu pendekatan yang ‘apa saja boleh dibuat’ dengan pengolahan bahan dan teknik yang tiada batasan mengikut kehendak dan nafuri artis yang sensitif pada objek sekeliling.

2.1.3 Kategori Karya Arca

Arca merupakan bentuk citra dalam susunan tiga dimensi untuk dikajidian dinikmati nilai estetikanya. Permukaannya dapat dirasai serta dipandang dari pelbagai sudut. Nilai estetika sebuah arca kadang-kadang kabur dan seakan sealiran dengan seni bina bangunan, hiasan dalaman serta reka bentuk pentas, namun ianya tetap mempunyai keistimewaan tersendiri. Secara khususnya, karya tiga dimensi adalah sesuatu yang bersifat konkret, berisipadu, mempunyai pandangan sisi iaitu kiri, kanan, atas dan bawah. Proses awal bagi penghasilannya pula adalah berdasarkan lakaran imaginasi atau menggunakan pengisian komputer yang tertentu seperti *Adobe Photoshop* dan *Adobe Illustrator* dalam merancang bentukan dan rupa sifat yang akan dihasilkan di ruang